

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKLW OGOS 2016

**DI DEWAN SRI LESTARI,
ARAS B1, KKLW**

**15 OGOS 2016 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

YB Datuk Alexander Nanta Linggi

dan

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub

Timbalan-timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar

dan Wilayah

YBhg Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman

Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Mohamed Yunus

YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin

Dan

YBhg Datin Seri Elena Chiang binti Abdullah

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua

Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit,
Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Rakan-rakan
Media

YB Dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin,
Tuan/Puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-
NYA kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk
mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan KKLW
bagi bulan Ogos 2016.

2. Kita telah pun meninggalkan bulan Syawal lebih kurang dua minggu yang lalu. Alhamdulillah, sepanjang bulan kemenangan bagi umat Islam tersebut, kementerian dan semua agensi di bawah KKLW telah dapat menganjurkan majlis sambutan hari raya Aidilfitri dengan meriah sekali. Bukan sekadar menjamu selera, malahan kita juga dapat mengeratkan silaturrahim sesama kita dan turut dapat merai serta menyumbang sedikit sebanyak bantuan kepada anak-anak yatim dan golongan yang memerlukan.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan fardhu haji kepada warga kementerian dan agensi yang mendapat peluang tersebut pada tahun ini. Saya mendoakan agar tuan / puan diberi kesihatan dan dipermudahkan segala urusan ibadah...insya Allah.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Kita telah pun hampir memasuki empat bulan terakhir tahun 2016. Sewajarnya, ketika ini semua warga Kementerian dan agensi telah siap mengkaji

dan menilai semula sejauh manakah sasaran kerja tahunan masing-masing telah berjaya dicapai. Bukan sahaja kuantiti kerja perlu disempurnakan, malahan yang lebih penting adalah mutu dan kualiti dalam setiap pelaksanaan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada tuan-tuan dan puan-puan. Semenjak hari pertama saya menerajui Kementerian ini, saya telah menegaskan bahawa integriti dan akauntabiliti merupakan tunjang utama dalam memastikan setiap tugas dan tanggungjawab dilaksanakan dengan penuh amanah. Setiap perancangan yang dibuat hendaklah sentiasa

dikemaskini dan diperbaharui mengikut perkembangan masa, suasana dan kesesuaian tanpa menjejaskan dan melanggar *Standard Operating Procedures (SOP)*, tatacara perolehan, kewangan dan peraturan-peraturan yang telah digariskan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Dalam ucapan saya pada Majlis Perkhidmatan Cemerlang KKLW yang lalu, saya pernah berpesan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa kita mestilah sentiasa menghindarkan diri kita daripada

penyakit-penyakit yang boleh menjejaskan wibawa dan kredibiliti sektor awam iaitu **rasuah, salah guna kuasa, ketirisan perbelanjaan dan membocorkan maklumat sulit Kementerian dan Kerajaan.**

6. Sebagai penjawat awam yang bertanggungjawab, kita perlulah berpegang kepada prinsip dan lunas-lunas etika kerja yang dapat membendung diri kita dari terjebak dengan gejala-gejala yang saya sebutkan tadi. Maka dengan itu, ke arah mewujudkan warga kerja dan organisasi yang bersih dan bebas daripada gejala rasuah, Kementerian mengambil

langkah strategik untuk mengimplementasi **Ikrar Integriti Korporat** atau ***Corporate Integrity Pledge (CIP)***.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. CIP merupakan satu inisiatif di bawah *Corporate Integrity System Malaysia (CISM)*. Dengan menandatangani CIP ini, organisasi secara sukarela dan terbuka membuat perisytiharan menyeluruh menentang amalan rasuah, dan menzahirkan azam mereka untuk berusaha ke arah mewujudkan sebuah

negara yang berprinsip tinggi dan beretika. Sehingga hari ini, sebanyak **864 organisasi** telah menandatangani CIP merangkumi **178 penandatanganan dari sektor awam, 661 penandatanganan dari sektor swasta dan 25 penandatanganan dari sektor NGO**. Bagi KKLW pula, sukacita saya mengumumkan bahawa kesemua agensi dan jabatan telah pun menandatangani CIP berkenaan seperti berikut:-

AGENSI	TARIKH PEMETERAIAN
KESEDAR	9 Januari 2013
KEJORA	4 Mei 2013
RISDA	9 Julai 2013
FELCRA BERHAD	9 September 2013
KETENGAH	29 September 2013
MARA	14 Mac 2016
JAKOA	12 April 2016
KEDA	10 April 2016

8. Manakala pada hari ini, akan tiba di kemuncaknya sebentar lagi di mana Ikrar Integriti Korporat bagi

Kementerian yang turut merangkumi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Institut Kemajuan Desa (INFRA) yang telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Mohd Arif Ab Rahman, Ketua Setiausaha KKLW pada sesi terdahulu pagi tadi akan saya serahkan kepada YBhg. Dato' Mohamad Yusoff bin Akope, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dengan termeterainya ikrar ini, Kementerian dan agensi KKLW secara rasminya akan menggerakkan komitmen dengan melaksanakan prinsip-prinsip CIP yang perlu diterima

pakai ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang adil, telus dan bebas daripada rasuah.

Warga Kementerian yang saya hormati sekalian,

9. Untuk menjayakan CIP ini, usaha-usaha mempromosi nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik perlulah dilaksanakan secara konsisten. Ia merupakan satu janji kita untuk tidak membenarkan sebarang perbuatan rasuah dalam apa jua bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, di dalam organisasi dan dalam semua

prosedur termasuk yang melibatkan pembekal, kontraktor, pelanggan dan pihak ketiga. Setiap tatacara kewangan dan perolehan harus mengikut peraturan yang ditetapkan. Setiap warga kerja juga perlu memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Kod Etika penjawat awam demi mewujudkan persekitaran budaya kerja positif dan kondusif.

10. Antara inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi membentuk budaya integriti berterusan adalah dengan mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada warga kerja yang menunjukkan integriti dan etika

yang tinggi. Kementerian dan agensi juga disaran untuk meningkatkan saluran aduan yang selamat dan boleh diakses oleh seluruh warga kerja serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah dengan penuh yakin dan tanpa sebarang risiko tekanan atau diselubungi perasaan takut.

11. Pengukuhan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah juga boleh dibuat menerusi pembangunan program-program dan latihan kepada pihak pengurusan dan seluruh anggota kerja bagi menjelaskan nilai-nilai, dasar dan prosedur yang akan

digunakan dalam mencegah rasuah daripada berlaku dalam semua urusan. Saya juga suka menyarankan agar Audit Dalaman dilaksanakan secara berterusan bagi mengelakkan penyalahgunaan dana serta aset Kerajaan.

12. Ketua-ketua Bahagian dan agensi juga perlu bersikap tegas dan tidak bertolak ansur terhadap mana-mana pekerja atau mana-mana pihak lain yang terlibat dengan rasuah yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas dan tatacara kewangan, tanpa mengira pangkat, kedudukan dan status. Setiap

perlakuan rasuah yang berlaku juga perlu dilaporkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi dan Pihak Berkuasa berwajib.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

13. Dengan kesungguhan dan komitmen kita dalam melaksanakan CIP ini, secara langsung ianya membuktikan sokongan seluruh warga kerja KKLW terhadap inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan pihak SPRM. Saya meminta supaya Unit Integriti Kementerian dan agensi agar dapat

menjalin kerjasama sepenuhnya dengan pihak SPRM dalam mengatur program-program pencegahan rasuah secara berterusan melalui Jawatankuasa Khas dan Jabatan Pematuhan dan Integriti yang ditubuhkan. Jalinan kerjasama ini akan meningkatkan lagi hubungan erat antara Kementerian, agensi dan SPRM dalam menjayakan objektif “Memerangi Rasuah” di bawah Program Transformasi Kerajaan yang diperkenalkan oleh YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Saya amat yakin, CIP ini akan dapat kita jayakan dengan penuh komited, telus dan bertanggungjawab.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Pada 31 Ogos 2016 ini, genaplah 59 tahun negara kita Malaysia mencapai kemerdekaan dan sepertimana pada tahun-tahun sebelumnya, bulan Ogos telah diisytiharkan sebagai Bulan Kebangsaan. Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang bagi tahun ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 6 Ogos lalu di Dataran Majlis Perbandaran Tawau, Sabah. Dengan bertemakan **#sehatisejiwa**,

sambutan kemerdekaan pada tahun 2016 ini disemarakkan lagi dengan *hashtag* **#harikebangsaan2016** dan **#menggelorakansemangatpatriotik** .

15. Sebagai rakyat yang cintakan tanah air, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru agar kita dapat sama-sama menjayakan kempen Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang ini. Kibarkanlah Jalur Gemilang dengan sempurna di bangunan-bangunan pejabat dan di rumah anda, jangan biarkan bendera lusuh atau koyak berkibar,

sebaliknya gantikanlah ianya dengan Jalur Gemilang yang baru. Ini kerana Jalur Gemilang merupakan simbol kedaulatan negara dan perlu dikibarkan dengan cara yang betul agar tidak menjejaskan imej negara terutamanya pada pandangan pelancong warga asing. Ia juga melambangkan semangat cintakan negara dan penghargaan terhadap kemerdekaan yang telah dicapai dengan jerih perih perjuangan tokoh-tokoh negara terdahulu.

16. Sempena bulan sambutan Hari Kebangsaan 2016 ini juga, pelbagai program memupuk semangat

patriotisme dianjurkan oleh Sekretariat Merdeka seperti Doa Untuk Malaysia, Kayuhan Sehati Sejiwa, Karnival Merdeka dan Amanat Hari Kebangsaan sebelum acara kemuncak iaitu Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2016 yang akan berlangsung pada 31 Ogos di Dataran Merdeka, diikuti dengan Sambutan Hari Malaysia 2016 pada 16 September 2016 di Lapangan Terbang Lama, Bintulu, Sarawak. Saya difahamkan bahawa Kementerian dan agensi akan turut menghantar wakil kontinjen pada perarakan kemerdekaan. Penglibatan tuan-tuan dan puan-puan yang akan terpilih amatlah dihargai dan

boleh diambil kira sebagai sumbangan terhadap Kementerian/agensi dalam LNPT tahunan. Tuan-tuan dan puan-puan juga dapat menyemarakkan kempen kemerdekaan ini dengan menggunakan *hashtags* yang diperkenalkan menerusi *postings* atau paparan muat naik dalam media-media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan laman web.

PENUTUP

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada kali ini, saya ingin mengalu-alukan seramai lapan (8)

orang pegawai baru yang telah melapor diri dari bulan Jun hingga bulan Ogos 2016. Semoga kehadiran tuan-tuan dan puan-puan akan dapat membantu menggerakkan jentera Kementerian sekaligus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat.

18. Kepada semua warga Kementerian, besar harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan dapat melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin. Saya percaya apabila setiap warga kerja memainkan

peranan menyumbang ke arah usaha transformasi dan menjadi tulang belakang kepada Ketua Setiausaha dan pihak pengurusan tertinggi, kita akan dapat merealisasikan Transformasi Membandarkan Luar Bandar dengan tekad dan jayanya.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.